



**PEMAKLUMAN RASMI AKTIVITI PELAJAR
KALI KE 5 BIL 5 TAHUN 2022**

**JEMPUTAN PENYERTAAN PROGRAM SUARAKAN IDEA BERNAS ANDA
(*PITCH YOUR BRILLIANT IDEAS*) 2022**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas;

Program Suarakan Idea Bernas Anda (*Pitch Your Brilliant Ideas*) adalah rentetan Festival of Ideas yang dilancarkan oleh YB Menteri Kementerian Pengajian Tinggi sebagai platform kepada mahasiswa melontar idea yang baharu dan bernas bagi menambahbaik dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku di kampus dan di masyarakat setempat.

Objektif program ini adalah seperti berikut:

- i. Meraikan cetusan idea baharu sejajar dengan perkembangan pendidikan tinggi di era revolusi industri 4.0 melalui penglibatan agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, rakan industri dan masyarakat.
- ii. Memanfaatkan idea baharu dalam menyelesaikan isu dan permasalahan yang wujud dalam persekitaran kampus dan masyarakat.
- iii. Melahirkan mahasiswa yang berani melontar pendapat yang baik dan cakna terhadap ekosistem universiti.
- iv. Sebagai satu wadah pengkonsian ilmu dan inovasi mahasiswa.

Sehubungan itu, pihak Akademi Adab ingin mempelawa pelajar prasiswazah yang berminat untuk menyertai program ini. Untuk maklumat lanjut sila hubungi kami melalui emel kepada adab@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar.

Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Abdul Rahman Bin Ahmad', with a long horizontal stroke extending to the left.

ABDUL RAHMAN BIN AHMAD

Eksekutif Kanan
Akademi Adab UMP
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 21 September 2022



اونيورسيتي مليسيا فھع
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
& ALUMNI

SUARAKAN IDEA BERNAS ANDA & MENANGI HADIAH MENARIK !!

(PITCH YOUR BRILLIANT IDEAS 2022)
Anjuran Akademi Adab UMP

Terbuka kepada pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Imbas Kod QR boran
pendaftaran & Syarat penyertaan



Tarikh Tutup Pendaftaran :
30 September 2022

Tarikh Pembentangan :
13 Oktober 2022
(10:00pagi)

Lokasi :
Bilik Mesyuarat JHEPA,
UMP Gambang



LONTARKAN IDEA
ANDA !!!

- i. Pengajaran dan Pembelajaran
- ii. Aktiviti/Program Pelajar
- iii. Penginapan Pelajar
- iv. Perkhidmatan Kakitangan Universiti
- v. Knowledge Transfers Program
- vi. Kesukarelawan

HADIAH MENARIK UNTUK
DIMENANGI

PERTAMA : RM300

KEDUA : RM250

KETIGA : RM200

GERAN PROJEK: RM3000
(Geran projek akan diberikan jika idea
kumpulan memerlukan kajian
selanjutnya)

Instagram akademi_adab_ump

Gmail adab@ump.edu.my



Akademi Adab UMP

